



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


5 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **1,062 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **89,910 kes**. Sebanyak sembilan (9) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat (4) kes di Kota Kinabalu, dua (2) kes di Sipitang dan masing-masing satu (1) kes di Tawau, Sandakan dan Kudat. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 622 menjadikan jumlah kumulatif 79,827 orang. Seramai 4,460 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,001 orang di hospital, 3,432 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 19 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lapan (8) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 122 orang dan 54 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Pitas berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 25 daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah

Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (1,062) kes iaitu peningkatan sebanyak (113) kes berbanding (949) kes yang dicatatkan semalam (04 Ogos 2021).
- b. Jumlah kes baharu kembali kepada empat digit dengan catatan (1,062) kes hari ini.
- c. Kota Kinabalu terus mencatat kes tertinggi dengan (239) kes baharu, diikuti dengan Tawau (137) kes, Tuaran (114) kes, Penampang (106) kes, Tongod (65) kes, Sandakan (62) kes, Keningau (39) kes, Sipitang (28) kes, Papar (25) kes, Kota Belud (25) kes, Putatan (24) kes, Kinabatangan (22) kes, Beaufort (22) kes, Telupid dan Kudat masing-masing (20) kes, Kunak (19) dan Ranau (19) kes.
- d. Analisa data menunjukkan peratusan kes bergejala tanpa diketahui dari mana punca atau apa yang dipanggil kes-kes sporadik semakin meningkat dengan catatan pada hari ini sebanyak (251) kes atau menghampiri 24% daripada kumulatif kes harian baharu. Kes-kes sporadik yang agak tinggi berlaku di kawasan bandar seperti Kota Kinabalu, Tawau, Penampang, Tuaran dan Sandakan. Di Kota Kinabalu, (83) kes daripada (239) kes adalah dalam kategori bergejala, Tawau (37) kes daripada (137) kes, Penampang (27) kes daripada (106) kes, Sandakan (19) kes daripada (62) kes dan Tuaran (27) kes daripada (114) kes.
- e. Kontak Rapat terus menjadi penyumbang utama kepada kes harian iaitu (569) kes atau hampir 54%, kes daripada kluster-kluster (123) kes atau 11.58% dan Saringan Bersasar di lokaliti-lokaliti PKPD merekodkan (65) kes baharu atau 6.12% daripada jumlah keseluruhan.
- f. Dengan mengambil kira kes-kes baharu yang semakin meningkat dan peratusan kes-kes sporadik yang bertambah, adalah amat perlu bagi kita meningkat pemberian vaksin kepada semua penduduk dengan kadar yang segera.
- g. Kelmarin (04 Ogos 2021) JKNS telah menyuntik 46,840 dos vaksin. Setakat 4 Ogos, JKNS telah memberi / menyuntik 967,555 dos pertama vaksin dan 415,638 dos kedua, yakni 1,383,193 dos secara keseluruhan.

- h. Seperti yang dinyatakan lebih awal JKNS ada keupayaan untuk melakukan vaksinasi sehingga 60 ribu dos sehari dengan syarat bekalan vaksin yang diperlukan tersedia dan tidak ada gangguan kepada jadual penghantaran ke Sabah. Atas andaian bekalan vaksin yang mencukupi terjamin, mengikut perancangan, JKNS boleh mengekalkan momentum melaksanakan pemberian vaksin dengan kadar yang cepat seperti sekarang.
- i. Ini bermakna 60% penduduk Sabah yang perlu divaksin boleh memperoleh vaksin penuh (dua dos) menjelang 21 September 2021
- j. Sejumlah 91.05% daripada kes-kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Kategori 1, iaitu (313) kes adalah mereka yang tidak mengalami sebarang simptom dan Kategori 2 iaitu sebanyak (654) kes sekadar mengalami simptom ringan (mild). Kedua kategori pesakit ini tidak perlu dimasukkan ke hospital untuk rawatan, sekadar ditempatkan di PKRC.
- k. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (569) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	123	11.58%
2	Bergejala	251	23.63%
3	Kontak Rapat	569	53.58%
4	Bersasar	65	6.12%
5	Lain-lain	54	5.08%
JUMLAH		1,062	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (04 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 04/08/2021	Catatan Kes 05/08/2021	Perbandingan
1	Tongod	3	65	+62
2	Penampang	58	106	+48
3	Sipitang	5	28	+23
4	Sandakan	48	62	+14
5	Kalabakan	3	17	+14
6	Tuaran	102	114	+12
7	Putatan	14	24	+10
8	Beluran	4	14	+10
9	Kudat	11	20	+9
10	Keningau	34	39	+5
11	Telupid	16	20	+4
12	Tenom	7	9	+2
13	Tambunan	1	2	+1
14	Semporna	7	8	+1
15	Kuala Penyu	4	4	Kekal
16	Lahad Datu	12	12	Kekal
17	Pitas	5	5	Kekal
18	Beaufort	62	22	-40
19	Kota Kinabalu	260	239	-21
20	Papar	37	25	-12
21	Nabawan	12	2	-10
22	Ranau	27	19	-8
23	Kota Belud	32	25	-7
24	Tawau	138	137	-1
25	Kinabatangan	23	22	-1
26	Kota Marudu	4	3	-1
27	Kunak	20	19	-1
JUMLAH		949	1,062	+113

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (22 Julai - 04 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak Rapat	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	145	83	0	11	239	2599
Tawau	4	88	37	0	8	137	1210
Tuaran	4	47	27	30	6	114	955
Penampang	0	77	27	0	2	106	993
Tongod	25	27	0	13	0	65	179
Sandakan	3	30	19	5	5	62	756
Keningau	7	24	5	0	3	39	579
Sipitang	2	25	0	0	1	28	507
Papar	0	12	11	0	2	25	500
Kota Belud	1	18	5	1	0	25	185
Putatan	0	12	12	0	0	24	302
Beaufort	0	14	7	0	1	22	700
Kinabatangan	22	0	0	0	0	22	360
Telupid	11	4	4	0	1	20	240
Kudat	16	1	2	0	1	20	203
Ranau	7	11	1	0	0	19	259
Kunak	0	4	1	13	1	19	220
Kalabakan	6	10	1	0	0	17	343
Beluran	12	0	1	0	1	14	236
Lahad Datu	3	6	2	0	1	12	154
Tenom	0	4	1	3	1	9	175
Semporna	0	0	0	0	8	8	51
Pitas	0	4	1	0	0	5	41
Kuala Penyu	0	3	1	0	0	4	98
Kota Marudu	0	1	2	0	0	3	185
Nabawan	0	1	1	0	0	2	27
Tambunan	0	1	0	0	1	2	24
JUMLAH	123	569	251	65	54	1,062	12,081

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kudat	Kluster Jeti Kudat	16
Keningau	Kluster Bariawa Laut	2
	Kluster Bayangan	5
Tuaran	Kluster Jalan Mat Salleh	4
Kota Belud	Kluster Tempasuk Kota Belud	1
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	2
Ranau	Kluster Gunsapau	2
	Kluster Jalan Mat Salleh	5
Sandakan	Kluster Batu 3 Utara	3
Lahad Datu	Kluster Jalan Tungku	3
Tongod	Kluster Jalan Corak	25
Tawau	Kluster Lahat-Lahat	4
Kinabatangan	Kluster Pauh	11
	Kluster Tinabau	11
Kalabakan	Kluster Agathis	6
Telupid	Kluster Batu 3 Utara	2
	Kluster Gambaron 2	1
	Kluster Tembidong Bidong	8
Beluran	Kluster Sawit Lung	12
JUMLAH		123

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,628 unit

- Hospital 1,094 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,662 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 872 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 67.17%

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 05 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1043
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	11
Orang Dalam Tahanan /Banduan	8
Jumlah	1,062

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	7
Negeri Sembilan	1
Johor	1
WP Putrajaya	1
WP Kuala Lumpur	1
Jumlah	11

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	925
Bukan Malaysia	137
Jumlah	1,062

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	261
Belum Menerima Vaksin	526
Menerima Dos 1	166
Lengkap Dos 2	73
Jumlah	1,026

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	8
1 to 5	59
6 to 17	194
18 to 59	727
>60	74
Jumlah	1,062

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 05 Ogos 2021)
1	Kota Kinabalu	26
2	Tawau	17
3	Penampang	16
4	Beaufort	14
5	Keningau	14
6	Tuaran	13
7	Sandakan	9
8	Sipitang	9
9	Kudat	7
10	Papar	5
11	Kinabatangan	4
12	Kota Belud	3
13	Putatan	3
14	Ranau	3
15	Tenom	3
16	Beluran	2
17	Kota Marudu	2
18	Telupid	2
19	Kuala Penyu	1
20	Kunak	1
21	Lahad Datu	1
22	Tongod	1
JUMLAH		156

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Perumahan Kilang Sawit Veetar, Tongod, Sabah	7 Ogos 2021	20 Ogos 2021

2.	Dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Baru Pasir Putih • Kampung Wallace Bay, Pulau Sebatik 	7 Ogos 2021	20 Ogos 2021
----	---	-------------	--------------

E PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Dua (2) lokaliti di Tuaran, Sabah <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Pukak, Mukim Tengah • Projek Perumahan Rakyat (PPR) Gayang Ria, Mukim Berungis 	24 Julai 2021	Ditamatkan pada 6 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Gumandang, Kudat, Sabah	24 Julai 2021	Ditamatkan pada 6 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan
3.	Kampung Lumatai Ulu, Beaufort, Sabah	24 Julai 2021	Ditamatkan pada 6 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.

- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **34,196** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 931,249 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **9,086** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 366,056 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 17,232 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,238,697 (Mysejahtera 1,154,850: Laman Web 83,580: Talian Vaksinasi 267) bersamaan 44.9%.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **376,933** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 197 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 42,913 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 197 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 77 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 32 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 13 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Dua (2) Orang : Pergerakan Keluar Masuk Kawasan PKPD
 - Lapan (8) Orang : Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - Tujuh (7) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Perintah Kawalan Pergerakan

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 69 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Hutan 1968.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,201 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Sebanyak tujuh (7) notis/amaran telah dikeluarkan oleh PBT iaitu lima (5) di Keningau dan dua (2) di Lahad Datu.
 - iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 259 premis perniagaan dan 194 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 415 Premis Perniagaan melibatkan 180 anggota APM. Sebanyak tiga (3) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 82 anggota di 101 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 29 premis, melibatkan 18 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 220 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 164 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sandakan	96.5%
2	Kota Belud	96.5%
3	Kota Kinabalu	96 %
4	Semporna	96%
5	Tuaran	96%
6	Keningau	96%
7	Tawau	96%
8	Tenom	96%
9	Beluran	96%
10	Beaufort	96%
11	Ranau	96%
12	Kota Marudu	96%
13	Papar	96%
14	Sipitang	96%
15	Kinabatangan	96%
16	Kunak	95.5%
17	Lahad Datu	95.5%
18	Penampang	95%
19	Kudat	95%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**